



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**PERTEGUH UKHUWAH,
MEMBINA KESATUAN
UMMAH MADANI**



Tarikh Bacaan:
28 NOVEMBER 2025M / 7 JAMADIL AKHIR 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



PERTEGUH UKHUWAH,

MEMBINA KESATUAN UMMAH MADANI

(Sempena Mukhtamar Nasional ke-19 Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH))

28 November 2025M/ 7 Jamadil Akhir 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Ketakwaan ialah asas kepada kekuatan umat, manakala ukhuwah pula ialah tali pengikat yang menyatukan hati manusia atas dasar iman.

Pada hari yang penuh keberkatan ini, khatib ingin mengajak diri dan para jemaah sekalian untuk menghayati khutbah bertajuk: **Perteguh Ukhuwah, Membina Kesatuan Ummah Madani.**

SIDANG HADIRIN YANG DIMULIAKAN,

Umat Islam hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran



perpecahan politik, perbalahan sosial, kelemahan ekonomi, dan ancaman nilai dari luar. Namun, di sebalik semua cabaran itu, punca kelemahan sebenar umat ialah hilangnya roh ukhuwah dan kasih sayang sesama Muslim. Tanpa ukhuwah, kekuatan umat akan rapuh, tanpa kesatuan dan visi kemajuan tidak akan tercapai.

Ukhuwah bermaksud persaudaraan hubungan kasih sayang yang berpaksikan keimanan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Persaudaraan Islam bukanlah semata-mata hubungan darah atau bangsa, tetapi ikatan hati kerana akidah yang sama. Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Hujurat ayat 10:

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴾

Maksudnya “Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudaramu (yang berselisih), dan bertakwalah kepada Allah agar kamu dirahmati.”

Ayat ini menjelaskan bahawa asas hubungan sesama mukmin adalah persaudaraan, bukan permusuhan. Ukhuwah adalah tali rahmat yang menyatukan umat, dan tanpa ukhuwah, masyarakat akan kehilangan keberkatan dan keampunan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Ukhuwah adalah faktor utama kejayaan Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* dalam membina masyarakat Madani di Madinah. Setelah hijrah, Baginda *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* menyatukan kaum **Muhajirin dan Ansar** dalam ikatan

persaudaraan yang begitu mendalam sehingga mereka sanggup berkongsi harta, rumah, bahkan kasih keluarga. Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Anfal ayat 63:

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ
بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

Maksudnya “Dan dialah (Allah) yang menyatukan hati mereka. Sekiranya kamu membelanjakan segala yang ada di bumi nescaya kamu tidak akan dapat menyatukan hati mereka, tetapi Allah yang menyatukan mereka. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa Lagi Maha Bijaksana”.

Ayat ini menunjukkan bahawa kesatuan hati adalah anugerah Allah kepada mereka yang beriman. Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* tidak hanya membina masjid, tetapi Baginda membina **hati yang bersatu dan jiwa yang saling mempercayai**.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Konsep **Ummah Madani** bererti masyarakat Islam yang memiliki peradaban tinggi, berasaskan nilai iman, ilmu, akhlak dan keadilan. Masyarakat Madani bukan sahaja kuat dari sudut fizikal dan ekonomi, tetapi juga kukuh dari segi moral dan sosial. Untuk membina masyarakat seperti ini, asasnya ialah ukhuwah. Tanpa ukhuwah, segala dasar pembangunan akan menjadi kosong. Ukhuwah ialah roh yang menjadikan masyarakat hidup dalam harmoni dan saling menghormati.

Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* bersabda dalam hadis riwayat al-Bukhari dan

Muslim yang bermaksud:

“Perumpamaan orang-orang beriman dalam kasih sayang, belas kasihan dan simpati antara mereka adalah seperti satu tubuh. Apabila satu anggota tubuh merasa sakit, seluruh tubuh turut merasai panas dan tidak dapat tidur.”

Hadis ini menegaskan bahawa umat Islam seharusnya seperti satu jasad saling membantu, menanggung penderitaan bersama, dan tidak membiarkan saudara mereka tertindas atau menderita.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI ALLAH,

Malangnya, umat Islam kini berdepan krisis ukhuwah yang membimbangkan. Kita berpecah kerana perbezaan fahaman politik, mazhab, bangsa dan kepentingan dunia. Di media sosial, budaya menghina, mengecam, dan menuduh tanpa bukti menjadi kebiasaan. Kita mudah menanam kebencian terhadap saudara seagama hanya kerana perbezaan pandangan kecil. Kita lupa bahawa perpecahan adalah senjata musuh untuk melemahkan umat. Daripada Abi Hurairah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata bahawa Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

**لَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَنَاجَشُوا وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَلَا يَبِعُ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ
بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا**

Maksudnya: *“Janganlah kamu saling mendengki, saling menipu, saling membenci, saling membelakangi dan janganlah sebahagian kamu membeli barang yang telah dibeli oleh orang lain. Jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara.”*

Ini adalah amaran Rasulullah ﷺ bahawa permusuhan adalah racun yang memusnahkan kekuatan umat.

JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Untuk membina kesatuan ummah Madani, kita mesti mengambil langkah nyata bagi memperteguh ukhuwah. Antara langkah-langkah yang boleh kita lakukan ialah:

Pertama: Menanam Kasih Sayang Kerana Allah

Ukhuwah sejati dibina atas dasar cinta kerana Allah, bukan kepentingan duniawi. Daripada Anas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ sabda Rasulullah ﷺ:

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ: أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولَهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ، وَأَنْ يَكْرَهُ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقَدَّفَ فِي النَّارِ

Maksudnya: *“Tiga perkara, barangsiapa ada pada dirinya, nescaya dia memperoleh kemanisan iman (iaitu, yang pertama): Allah عزَّوَجَلَّ dan Rasul-Nya lebih dia cintai berbanding dengan yang lain, (kedua) dia mencintai seseorang dan dia tidak mencintai kecuali kerana Allah dan (ketiga) dia benci kembali kepada kekufuran sebagaimana dia benci dinya dicampakkan ke dalam api neraka”*

Kedua: Mengamalkan Adab Berbeza Pandangan

Perbezaan adalah lumrah, tetapi ia mesti diurus dengan ilmu, hikmah dan adab. Janganlah perbezaan pandangan menjadikan kita bermusuhan.

Para sahabat juga berbeza pendapat dalam banyak hal, namun mereka tetap bersatu di bawah panji Islam.

Ketiga: Menjaga Lisan dan Media Sosial

Fitnah dan cercaan adalah punca utama rosaknya ukhuwah.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam Surah al-Hujurat ayat 11:

...وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ..

Maksudnya: “Dan jangan pula kamu memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasiq maka) amat buruk sebutan fasiq (kepada seseorang) sesudah dia beriman.”

Keempat: Mengamalkan *Husnuzzon* (sangka baik)

Kita mesti menolak budaya buruk sangka yang menghancurkan persaudaraan. Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam Surah al-Hujurat ayat 12:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan daripada prasangka, (supaya kamu tidak membuat sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa.”

Kelima: Mengamalkan Tolong-Menolong Dan Empati

Kesatuan ummah akan terbina apabila umat saling membantu.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Ma'idah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ...

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam membuat kebaikan dan takwa. Dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah)."

Keenam: Memperkukuh Kepimpinan Adil Dan Berakhlak

Pemimpin Islam mesti menjadi lambang kesatuan dan kasih sayang. Pemimpin yang adil akan menyatukan rakyatnya, manakala pemimpin yang zalim akan menanam kebencian dan perpecahan.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Dalam kerangka Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama, ukhuwah bukan sahaja terbatas pada sesama Muslim, tetapi juga terhadap seluruh warga negara atas dasar kemanusiaan dan keadilan.

Konsep "**Malaysia Madani**" yang berteraskan nilai keinsanan, rahmah, dan harmoni menuntut umat Islam untuk menjadi contoh terbaik dalam menjalin hubungan sesama insan. Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Mumtahanah ayat 8:

لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ

وَتُقْسَطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Maksudnya: "Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangimu dalam urusan agama (kamu) dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil."

Maka, membina Ummah Madani bermaksud membina masyarakat yang menghargai kepelbagaian, menolak kebencian, dan memupuk nilai kemanusiaan sejagat di bawah panji Islam.

SIDANG JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH,

Sebagai mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama berusaha untuk menekuni perkara-perkara berikut:

Pertama: Ukhuwah yang kukuh membentuk umat yang kuat, berakhlak dan hidup dalam keamanan.

Kedua: Persaudaraan mendorong sikap prihatin sosial seperti membantu fakir miskin dan menjaga hubungan sesama jiran.

Ketiga: Mengabaikan ukhuwah melemahkan umat dan membuka ruang kepada manipulasi pihak luar.

Keempat: Islam menuntut umat bersatu atas dasar iman dan berpegang kepada tali Allah untuk menghadapi pelbagai cabaran.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah Ali 'Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu semua pada tali Allah (agama Allah) dan janganlah kamu berpecah-belah.”

Marilah kita perkuatkan hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Jadikan ukhuwah sebagai benteng dalam menghadapi cabaran zaman. Sesungguhnya kekuatan umat bergantung kepada kesatuan dan kasih sayang yang lahir daripada hati yang ikhlas kerana Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2025M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2024
memutuskan bahawa:

Pertama: Restoran yang bertanda “free-pork dan no pork no lard”, adalah
tidak menepati piawaian halal yang diiktiraf oleh JAKIM.

Kedua: Tidak sewajarnya bagi seorang Muslim membuat ulasan (review),
promosi, atau menjadi duta bagi restoran yang sedemikian.

Oleh itu, pastikan kita hanya mengunjungi restoran yang mempunyai logo
halal JAKIM yang sah kerana mencari yang halal itu satu kefarduan.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
 مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِي يَمِينِ خَافِكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
 الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ فُؤُلَاوِ فِي يَمِينِ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ
 رَحَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.
 اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
 اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
 صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
 Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
 Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang
 di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri
 Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah .

***“Ya Allah, berilah kekuatan kepada kami untuk menunaikan zakat serta
 melaksanakan wakaf melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
 agar ia menjadi sumber kebaikan dan kemajuan umat Islam di negeri
 yang tercinta ini.***



Ya Allah, satukanlah hati-hati kami, tanamkanlah rasa percaya kepada pemimpin kami dan jauhkanlah kami daripada fitnah serta perpecahan. Rahmatilah para pemimpin dan pihak berkuasa agama agar sentiasa Engkau bimbing di atas jalan yang benar.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG